

Majlis Hari Raya Kampus Pekan Meriah



Pekan, 31 Julai - Kemeriahinan jelas terpancar di setiap wajah staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang telah bertungkus lumus bergotong-royong menyediakan juadah sempena sambutan hari raya gabungan bagi setiap jabatan yang berlangsung di UMP Kampus Pekan.

Sebanyak 20 lot gerai menyediakan pelbagai juadah istimewa dalam majlis yang berlangsung mulai jam 10.00 pagi bertempat di Aras 1, Pusat Aktiviti Pelajar Kampus Pekan. Kunjungan staf dan jemputan luar yang terdiri daripada komuniti setempat turut memeriahkan majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa selamat bersama semua-sama staf yang diketuai Pembantu Hal Ehwal Islam, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Ustaz Shahrul Nizam Mad Ahir.



Menurut Timbalan Pendaftar, Zainuddin Mat Husin, sambutan dijalankan secara sederhana namun meriah apatah lagi tatkala seluruh warga masih merasai kehilangan staf UMP, Jurutera Awam Kanan dari Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH), allahyarham Hamidi Sudin yang banyak berjasa kepada universiti terutamanya dalam pembangunan kampus Pekan.

"Program turut menyokong usaha universiti dengan mengekalkan "Kempen Tanpa Polisterin" yang telah diamalkan di kampus ini dengan membudayakan kampus hijau yang mendapat sokongan baik daripada pihak pengusaha kafetaria dan staf," katanya.

Selain itu, program ini menjadi sebagai platform UMP Pekan untuk mengeratkan siratulrahim dan hubungan kemasyarakatan dengan komuniti luar kampus.

Pada masa yang sama turut diadakan Tabung Kutipan Derma Ikhlas hasil sumbangan orang ramai untuk disumbangkan kepada keluarga allahyarham. Seramai 350 staf dan pihak luar hadir membabitkan pegawai dari agensi luar termasuk Bank Rakyat Pekan, Polis Daerah Pekan, Pusat Zakat, penghulu serta masyarakat setempat.

Disediakan oleh Ahmad Hilmy Agir dari Bahagian Pentadbiran UMP Pekan

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 05-08-2015, 17:07:43